



01 SEP, 2020

Tiada lagi khidmat penghantar makanan, barang

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



PENDUDUK Ambangan Heights tidak dibenarkan menggunakan khidmat penghantaran barangan sepanjang PKPD Secara Pentadbiran.

Tiada lagi khidmat penghantar makanan, barang

SUNGAI PETANI – Penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran tidak dibenarkan menggunakan khidmat penghantaran makanan atau barang keperluan harian.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Adzli Abu Shah berkata, larangan itu berkuat kuasa kelmarin selepas beberapa kedai runcit di kawasan tersebut telah dibuka.

“Kedai yang dibuka semula ini memudahkan penduduk membeli barang keperluan harian mereka tanpa perlu menggunakan bantuan orang luar

atau khidmat penghantar makanan lagi.

“Sebuah Pasar Segar Terkawal juga akan dibuka Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi membolehkan penduduk mendapatkan barang keperluan harian mereka,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, larangan itu dikeluarkan bagi mengelakkan pergerakan keluar masuk penduduk di situ seterusnya mengekang penularan pandemik Covid-19.

“Penduduk diminta untuk mematuhi semua prosedur operasi standard yang ditetapkan pihak berkuasa dalam usaha membendung penularan virus ini,” ujarnya.



01 SEP, 2020

Tiada lagi khidmat penghantar makanan, barang

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PENDUDUK Ambangan Heights tidak dibenarkan menggunakan khidmat penghantaran barangan sepanjang PKPD Secara Pentadbiran.

SUNGAI PETANI - Penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran tidak dibenarkan menggunakan khidmat penghantaran makanan atau barang keperluan harian. Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Adzli Abu Shah berkata, larangan itu berkuat kuasa kelmarin selepas beberapa kedai runcit di kawasan tersebut telah dibuka.